

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG**  
**KAWASAN : BAGAN**  
**TARIKH : 1 NOVEMBER 2016, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN LIM GUAN ENG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan hasil perbincangan dengan 12 syarikat-syarikat konsesi tol yang akan dinaikkan tol tahun depan. Berapa jumlah pampasan perlu dibayar Kerajaan sekiranya tol tidak dinaikkan. Nyatakan kos pembinaan dan kutipan setakat ini serta sebab tol Lebu Raya PLUS tidak dimansuhkan walaupun telah mendapat pulangan kos pelaburan membina dan menyelenggara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perjanjian-perjanjian konsesi lebuh raya yang sedang berkuat kuasa hanya terdapat 4 sahaja lebuh raya yang berhak menerima kenaikan tol pada tahun hadapan (2017). Lebuh raya-lebuh raya terlibat ialah Lebuhraya Penyuraian Trafik Johor Timur (EDL), Lebuhraya Kajang – Seremban (LEKAS), Lebuhraya Senai – Desaru (SDE); dan Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE). Anggaran jumlah pampasan tol tahun 2017 bagi 4 lebuh raya tersebut ialah sebanyak RM59.77 juta.

Mengenai kutipan tol Lebuhraya Utara Selatan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PLUS telah dibina pada tahun 1989 dan siap pada tahun 1994 dengan kos sebanyak RM5.9 bilion. Kos projek ini ditanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi kecuali kos pengambilan tanah yang ditanggung Kerajaan.

Berdasarkan perjanjian konsesi asal (1988) Lebuhraya Utara Selatan sepatutnya tamat pada tahun 2018. Walau bagaimanapun berikutan usaha untuk mengurangkan kesan kenaikan tol, Kerajaan terpaksa menstrukturkan semula kadar tol lebuhraya tersebut, iaitu pada tahun 1999, 2002 dan 2011. Di bawah penstrukturan PLUS terkini (2011), semua konsesi tol lebuhraya di bawah syarikat PLUS Berhad – termasuk Lebuhraya Utara Selatan – telah diselaraskan di mana ia akan berakhir pada 31 Disember 2038.

Mengenai jumlah kutipan tol pula, sehingga tahun berakhir 2015, jumlah kutipan tol keseluruhan di Lebuhraya Utara Selatan sahaja ialah sebanyak RM36.39 bilion. Manakala jumlah pampasan tunai yang telah dibayar kepada syarikat konsesi PLUS berikutan penangguhan kenaikan tol bagi lebuhraya tersebut untuk tempoh sehingga 2015 ialah sebanyak RM917.1 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan tol yang tinggi yang diterima oleh syarikat konsesi tidak bermakna mereka mengaut keuntungan yang besar, sebaliknya ia perlu dibelanjakan untuk pelbagai komitmen lain. Secara purata syarikat konsesi perlu membayar balik pinjaman kepada institusi pemberi pinjaman atau bank sebanyak 45% hingga 50% daripada hasil kutipan tol yang diperolehi, operasi dan penyelenggaraan (20%), dan kos untuk

membalik pulih dan menaik taraf lebuh raya (15% hingga 20%). Manakala hasil pulangan atau keuntungan kepada pemegang saham atau 'shareholders' ialah dianggarkan sebanyak 10% sahaja daripada hasil kutipan tol keseluruhan.

Sekian. Terima kasih.